



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA**

# **KENYATAAN MEDIA**

## **KES KEMATIAN ZARA QAIRINA**

Jabatan Peguam Negara telah menerima laporan penuh siasatan awal daripada Polis Diraja Malaysia berhubung kes kematian Zara Qairina, masing-masing pada 3 Ogos 2025 di Cawangan Sabah dan pada 4 Ogos 2025 di Ibu Pejabat Putrajaya.

Sehubungan itu, Jabatan ini sedang meneliti dengan mendalam laporan penuh siasatan awal tersebut. Proses penelitian ini merangkumi semua aspek undang-undang dan fakta yang dikemukakan bagi memastikan setiap keputusan yang diambil adalah berlandaskan undang-undang serta memenuhi prinsip keadilan.

Sebarang keputusan berkaitan kes ini akan dimaklumkan setelah proses penelitian laporan penuh siasatan awal tersebut selesai dilaksanakan.

Jabatan ini menghargai kerjasama semua pihak dan menggesa orang awam untuk mengelak daripada membuat sebarang pernyataan bersifat spekulatif yang boleh menjejaskan proses siasatan dan keadilan.

**JABATAN PEGUAM NEGARA  
4 OGOS 2025**